



JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA
(Department of Fisheries Malaysia
Ministry of Agriculture & Agro-Based Industry Malaysia)
ARAS 1-6, BLOK 4G2, WISMA TANI
NO. 30, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62628 PUTRAJAYA.



Telefon : 03- 8000 8000
Faks : 03- 8889 5490
Emel : pro@dof.gov.my
Laman Web : <http://www.dof.gov.my>

SIARAN MEDIA JABATAN PERIKANAN MALAYSIA

MOA RAIKAN NELAYAN PONTIAN YANG DIBEBASKAN

Serdang, 20 Jun – Lima nelayan dari Pontian yang dibebaskan oleh pihak berkuasa Indonesia lima hari lalu diraikan di dalam satu majlis berbuka puasa anjuran Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di Tapak Ekspo Pertanian Serdang (MAEPS) di sini hari ini.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, beliau bersyukur dan mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang berusaha untuk membantu pembebasan nelayan-nelayan ini termasuklah YAB Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Shahidan Kassim, Kementerian Luar Negeri, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan lain-lain agensi yang terlibat. Ia juga adalah hasil rundingan diplomatik di antara Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak dengan Presiden Indonesia (Joko Widodo), ujarinya lagi.

“Alhamdulillah, pembebasan ini adalah momentum yang paling bermakna kepada nelayan-nelayan yang terlibat, terutamanya menjelang aidilfitri yang akan tiba tidak lama lagi. MOA ingin menyeru kepada semua nelayan tempatan supaya sentiasa mematuhi dasar dan peraturan perikanan yang ditetapkan dengan menangkap ikan di kawasan perairan negara bagi mengelakkan ditahan oleh pihak berkuasa negara jiran. Sebagai usaha untuk memastikan nelayan tidak tersasar ke luar negara dan bagi keselamatan nelayan di laut, pihak Kerajaan bersetuju

(Sila sebutkan nombor rujukan bila berhubung)

membekalkan Sistem Identifikasi Automatik (AIS) secara percuma kepada semua nelayan pukat tunda Zon B seperti yang dilancarkan baru-baru ini oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi.” sambung Shabery ketika sidang media selepas Majlis Perhimpunan Bulanan dan Berbuka Puasa anjuran kementeriannya di sini.

Di dalam majlis tersebut, Shabery turut menyampaikan sumbangan duit raya kepada anak-anak nelayan yang diraikan.

Ketua Pengarah Perikanan, Datuk Haji Ismail Abu Hassan dalam kenyataannya juga memaklumkan bahawa pihaknya akan sentiasa memberi kerjasama terbaik secara NBOS (*National Blue Ocean Strategy*) bersama dengan agensi-agensi penguatkuasaan lain di Malaysia bagi memastikan keselamatan nelayan terjamin dan kelestarian sumber perikanan Malaysia.

Terdahulu dua nelayan terbabit iaitu Ahmad Nadzan Mohd Nadzri, 21, dan Mohammmad Suria Rahman, 21, yang menaiki bot nelayan pukat tunda zon B bernombor pendaftaran JHF 7195B telah keluar menangkap ikan bersama tiga lagi rakan lain ditahan oleh Polis Air Indonesia (POLAIR) pada 4 Mei lalu dan dibawa ke Batam untuk siasatan serta pendakwaan.

Bagaimanapun, tiga rakan mereka yang merupakan awak-awak bot iaitu Norul Azhar Mohd Nor, 40, Mohd Salleh Rahman, 32, dan Mohamad Sani Mohd Soad, 37, telah dilepaskan pada 17 Mei lepas.

+ tamat +